

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

Cosplay@PBAKL himpun pelbagai aktiviti menarik

Acara galak generasi muda kembang kreativiti

Oleh Latifah Ariffin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Buat julung kali Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur Ke-40 (PBAKL) 2023, di sini, menganjurkan Cosplay@PBAKL, iaitu acara yang menghimpunkan pelbagai aktiviti menarik khusus untuk peminat anime dan komik.

Pengerusi Jawatankuasa Cosplay@PBAKL, Adi Irwan Azhari, berkata acara selama tiga hari bermula Jumaat ini menjadi antara pengisian sebelum berakhirnya PBAKL 2023, pada Ahad ini.

Katanya, acara anjuran bersama LOL Cosplay Malaysia yang bakal berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia (WTC), di sini, antara satu daripada inisiatif bagi menggalakkan generasi muda terbabit dalam aktiviti sihat, mengembangkan kreativiti mereka, sekali gus memberi nafas baharu kepada acara pesta buku tahunan itu.

"Cosplay ini di negara luar sudah jadi satu (aktiviti) kebudayaan; ia merangkumi banyak aktiviti, daripada anime komik, e-sukan, hobi, malah peragaan kostum mengikut karakter yang

diminati anak muda.

"Malah, program Cosplay sebenarnya sering dijadikan pengisian pada pesta buku di negara luar, antaranya Filipina. Jadi, selari program PBAKL yang menjadi tumpuan seisi keluarga, maka Cosplay@PBAKL ini diharapkan turut disertai ibu bapa bersama anak masing-masing. Sambil membeli buku, anak boleh menyertai acara ini," katanya.

Sasar 30,000 pengunjung

Beliau yang juga Presiden Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM) berkata, pihaknya menasasarkan 30,000 pengunjung sepanjang acara itu.

Katanya, pada Sabtu ini, majlis pelancaran acara itu akan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim.

"Kami mengharapkan pengunjung dalam kalangan umur tujuh hingga 25 tahun hadir pada acara ini yang terbuka untuk semua. Tiket masuk hanya RM10 untuk kanak-kanak, manakala dewasa pula RM20.

"Jadi, inilah masanya untuk ibu bapa memanfaatkan masa membawa anak bersempena cuti sekolah dan PBAKL untuk mendapatkan bahan bacaan, sambil itu boleh mengunjungi Cosplay@PBAKL bagi mencungkil bakat kreatif mereka sambil menerokai dunia animasi," katanya.

Cosplay@PBAKL akan disertai 60 pempamer khususnya dalam kalangan pemain industri cosplay. Antara pengisian termasuk pertandingan kostum cosplay, persembahan khas Bafman Malaysia, bengkel karikatur dan pertandingan bercerita 'doodle'.

Adi Irwan turut berkata, istimewanya, pengunjung yang membuat pembelian tiket Cosplay@PBAKL akan mendapat langganan secara percuma e-paper akhbar terbitan The New Straits Times (M) Sdn Bhd (NS-TP) iaitu BH, Harian Metro dan New Straits Times. Caranya mudah, setiap pembeli hanya perlu mengimbas kod QR satu akhbar pilihan masing-masing.

“Cosplay ini di negara luar sudah jadi satu (aktiviti) kebudayaan, ia merangkumi banyak aktiviti, daripada anime, komik, e-sukan, hobi, malah peragaan kostum mengikut karakter yang diminati anak muda”



Adi Irwan Azhari,
Pengerusi Jawatankuasa Cosplay@PBAKL